

“Dan UMNO tidak sanggup ditohmah oleh mereka yang sudah kehilangan pengaruh,” tegasnya.

Yang anehnya, kata beliau mereka yang sekarang mendakwa UMNO campurtangan adalah orang yang sama yang pernah meminta pertolongan supaya diberhentikan orang-orang tertentu daripada parti itu di dalam kerajaan.

Jujur

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, UMNO ingin melihat masyarakat Cina diwakili dalam kerajaan memandangkan mereka adalah masyarakat kedua besar selepas masyarakat Melayu.

Bagaimanapun, katanya, haruslah diambil ingatan bahawa keinginan UMNO bekerjasama dengan masyarakat Cina janganlah digunakan sebagai alat politik peribadi sesiapa. Dan juga, tegas beliau, wakil masyarakat Cina dalam kerajaan hendaklah terdiri daripada orang yang ikhlas serta jujur dan bukan orang yang mengutamakan kepentingan diri.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, sehingga kini kerjasama dalam Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional adalah berkesan dan kerajaan - kerajaan campuran yang ditubuhkan di bawah kedua-dua gabungan itu telah berjaya membangunkan Malaysia.